


Membuat tuntutan daripada MediShield

Bagaimana saya bayar?



Premium MediShield akan dipotong secara automatik setiap tahun daripada akaun Medisave anda, jadi ia tidak akan menjejaskan pendapatan yang anda boleh gunakan untuk keperluan anda. Anda boleh juga menggunakan Medisave anda untuk membayar premium bagi anggota-anggota keluarga terdekat anda.

Untuk mengetahui jika anda mempunyai MediShield, harap periksa Penyata Akaun CPF tahunan anda atau log masuk ke "My CPF Online Services" di laman CPF.

Bagaimanakah MediShield berbeza dengan Integrated Shield Plan?

Jika anda ingin tinggal di wad Kelas A atau B1 atau hospital swasta, anda boleh pilih untuk dilindungi insurans di bawah rancangan swasta Integrated Shield Plan (IP). IP terdiri daripada MediShield dan juga mengandungi perlindungan tambahan untuk manfaat yang lebih tinggi. Harganya juga lebih tinggi.

Sila pertimbangkan kesesuaian pelan-pelan ini, dan bertanya tentang bayaran premium pada jangkamasa panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Lembaga CPF di member@cpf.gov.sg (atau di 1800-227-1188) atau lursur laman mereka di www.cpf.gov.sg kerana Lembaga CPF mentadbir MediShield bagi pihak Kementerian Kesihatan.



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE

College of Medicine Building
16 College Road, Singapore 169854

www.moh.gov.sg

Semua perkara yang perlu diketahui pekerja baru tentang

MEDISHIELD

Pelan insurans penjagaan kesihatan asas anda



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE

Apakah itu MediShield?

**Anda baru memulakan pekerjaan.
Anda mempunyai masa depan cerah.**



Anda mungkin rasa tidak perlu mempunyai insurans kesihatan. Bagaimanapun, kita semua menghadapi risiko untuk jatuh sakit, dan adalah bijak untuk membuat persediaan terlebih awal bagi kemungkinan demikian.

3Ms: Medisave, MediShield & Medifund

Membantu setiap orang membayar bil hospital mereka selepas subsidi pemerintah.

Medisave

Pelan simpanan perubatan wajib untuk membantu anda membayar bil hospital dan rawatan pesakit luar tertentu.



MediShield

Insurans kesihatan asas untuk membantu membayar bil hospital yang **LEBIH BESAR** dan rawatan pesakit luar tertentu. Premium boleh dibayar dengan Medisave.



Dengan membayar premium yang kecil, kita terlindung daripada menanggung bil yang besar.



Medifund

Jaring keselamatan untuk membantu rakyat Singapura yang masih menghadapi kesukaran membayar bil perubatan mereka. Permohonan menerusi hospital dan klinik.



Mengapa MediShield?

- Membayar bil hospital yang lebih besar di wad bersubsidi Kelas B2/C dan rawatan spesialis pesakit luar tertentu di hospital awam.
- Bayar premium kecil dengan menggunakan Medisave setiap tahun untuk perlindungan dan ketenteraman jiwa.
- Anda boleh membayar premium MediShield bagi keluarga terdekat anda dengan menggunakan Medisave anda.

Bagaimana MediShield Menampung Kos Rawatan



Had tuntutan maksimum

Bahagian bil yang layak menerima bayaran balik MediShield. Jumlah ini bergantung pada jenis wad, bilangan hari anda tinggal di hospital, dan jenis rawatan. Ia boleh menampung seluruh bil, atau sebahagian daripadanya. *Misalnya anda boleh tuntutan \$450/hari (wad biasa) atau \$900/hari (ICU-Unit Jagaan Rapi).*

Deductible*

Jumlah tetap yang perlu dibayar setiap tahun polisi sebelum anda mendapat bayaran MediShield anda. Anda bayar \$1,500 bagi wad Kelas C dan \$2,000 bagi wad Kelas B2.

Insurans Bersama*

Satu peratusan jumlah tuntutan yang anda akan perlu bayar, di samping deductible. Lebih tinggi bil, lebih rendah jumlah insurans bersama. Kadarnya adalah dari 10% ke 20% mengikut kenaikan jumlah bil.



MediShield membayar baki jumlah yang boleh dituntut selepas deductible dan insurans bersama.

*Anda boleh membayar dengan Medisave atau wang tunai.

Apakah yang ditampung?

Pembedahan Yang Dijalani Pesakit Yang Diwadkan Di Hospital/Pembedahan Yang Dijalani Pesakit Luar Di Hospital

- Bayaran wad dan rawatan bagi wad Kelas B2 dan C, ICU dan hospital komuniti*
- Pembedahan
- Implan

Rawatan Pesakit Luar

- Kimoterapi dan Radioterapi bagi barah
- Dialisis ginjal
- Imunosupresan bagi Pemindahan Organ


*Boleh dituntut hanya jika dirujukkan daripada hospital akut. Untuk senarai penuh keadaan-keadaan yang ditampung, sila lursur laman Kementerian Kesihatan (www.moh.gov.sg)

Hitungan ringkas...

Cik Tan[#], 25, dimasukkan ke hospital selama 10 hari di ICU dan 4 hari di wad Kelas C kerana pneumonia. Selepas subsidi pemerintah, MediShield membantu beliau menampung 65% daripada baki bil beliau. Beliau membayar jumlah selebihnya sebanyak \$2,300 dengan menggunakan Medisave beliau.

Pecahan Bil

Jumlah bil sebelum subsidi Pemerintah	\$36,700
Subsidi Pemerintah	\$29,800
Bil selepas subsidi Pemerintah	\$6,900



#Keterangan pesakit telah diubah.